

23 OCT 1998

Belanjawan-Sosial

CUKAI ROKOK, ALKOHOL DAN JUDI DINAikkan DALAM BELANJAWAN `99

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Dalam usaha untuk menggalakkan hidup sihat dan mengurangkan gejala sosial, kerajaan telah mengambil langkah menaikkan cukai bagi rokok, minuman keras dan aktiviti perjudian dalam Belanjawan 1999.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Pertama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata duti import ke atas rokok dan keluaran tembakau yang lain masing-masing dinaikkan dari RM139 sekilogram dan RM162 sekilogram kepada RM180 sekilogram.

Sementara itu, duti eksais bagi rokok yang dikilangkan dalam negara dinaikkan dari RM28.60 sekilogram kepada RM40 sekilogram, katanya ketika membentangkan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat hari ini.

Selain daripada rokok, duti import dan duti eksais ke atas semua jenis minuman keras juga dinaikkan sebanyak 20 peratus daripada kadar semasa, katanya.

Kadar cukai perjudian dinaikkan dari tujuh peratus kepada lapan peratus manakala duti pertaruhan dinaikkan antara lima peratus dan 11.5 peratus kepada 10 peratus dan 12 peratus, kata Dr Mahathir.

"Duti keuntungan kasino yang dikenakan di antara 22 peratus dan 25 peratus diselaraskan kepada kadar 25 peratus," katanya.

Dalam Belanjawan 1999, Perdana Menteri juga berkata sejumlah RM265 juta disediakan untuk meneruskan agenda masyarakat penyayang menerusi program pemulihan dan perlindungan bagi golongan yang memerlukan bantuan, membina dan menaikkan taraf rumah kebajikan dan pembinaan pusat aktiviti perpaduan serta Institut Sosial Malaysia.

Beliau berkata sejumlah RM118 juta diperuntukkan bagi melaksanakan program membanteras gejala sosial.

Di samping itu, peruntukan sebanyak RM75 juta turut disediakan untuk mempertingkatkan pencegahan dan pemulihan penagihan dadah, katanya.

Bagi usaha membasmi kemiskinan, kerajaan memperuntukkan RM108 juta menerusi Program Pembasmian Rakyat Termiskin, Peningkatan Ekonomi Kampung dan Program Pemulihan Rumah yang dijangka dapat memanfaatkan seramai 41,300 keluarga miskin.

Dr Mahathir berkata kaum wanita patut diberi latihan kemahiran secara berterusan khususnya bagi mereka yang ingin kembali aktif bekerja atau yang ingin meningkatkan potensi.

Bagi tujuan ini, kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta sebagai bantuan sokongan kepada program latihan dan sumbangan kepada pertubuhan-pertubuhan wanita, kata beliau.

Program-program ini akan diselaraskan di bawah Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA), katanya.

Perdana Menteri juga berkata kerajaan terus memantapkan usaha mengukuhkan penghayatan nilai-nilai Islam di kalangan masyarakat Islam di negara ini.

Sejumlah RM245 juta disediakan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Perdana Menteri supaya dapat melipatgandakan rancangan pembangunan ummah secara lebih bersepadu, program pembinaan insan serta penyelarasan undang-undang syariah.

Bagi pembangunan belia, peruntukan sebanyak RM37 juta disediakan di bawah Kementerian Belia dan Sukan untuk pelbagai program termasuk Program Rakan Muda yang dirombak dan disusun semula, kata Dr Mahathir.

Sejumlah RM440 juta akan disediakan untuk bantuan buku teks dan bantuan

makanan tambahan kepada pelajar kurang mampu di seluruh negara dan kira-kira empat juta pelajar layak menerima bantuan itu, katanya.

Selain itu, kerajaan juga menyediakan bantuan khas berjumlah RM5 juta untuk pelajar Orang Asli, kata Dr Mahathir.

"Sebagai usaha untuk membantu meringankan beban peningkatan kos pengeluaran padi serta menghasilkan pengeluaran padi yang tinggi, kerajaan akan menyediakan peruntukan berjumlah RM131 juta bagi subsidi baja padi," katanya.

Dr Mahathir berkata tambahan peruntukan sebanyak RM22 juta diberi untuk meningkatkan bantuan baja padi sebanyak RM50 sehektar bagi tahun 1999.

Di samping itu, kerajaan juga terus memberi subsidi harga padi bagi menambahkan pendapatan petani yang melibatkan peruntukan RM410 juta, katanya.

-- BERNAMA

HAK AKD